

43 penuntut Universiti Sains Islam Malaysia lawat Kompleks Penyayang Bakti

SEREMBAN 22 Mei - Seramai 43 penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai lawatan amal ke rumah kebajikan Kompleks Penyayang Bakti menerusi program One Day Community Care (ODCC) di Sungai Buloh, Selangor baru-baru ini.

Penganjuran ODCC kali kedua anjuran Unit Kebudayaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) USIM itu dijalankan di bawah Program Transformasi Kepimpinan Mahasiswa (PTKM) yang menekankan aspek kesedaran sosial di kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) berkenaan.

Menurut Pegawai Kebudayaan BHEP USIM, Ismail Ahmed, penganjuran ODCC selari dengan senario masyarakat hari ini yang semakin lupa akan tanggungjawab sosial yang sepatutnya dipikul bersama dalam memastikan perancangan ke arah mencapai negara maju menjelang 2020 tercapai.

“Soal kebajikan dan kurangnya keprihatinan antara satu sama lain seakan menjadi budaya semasa. Lebih menyedihkan, situasi ini juga berlaku dalam kehidupan seharian kita bersama keluarga.

“Gejala negatif ini merupakan tempias daripada kesibukan masyarakat yang semakin lalai ditelan arus kemodenan. Antara isu yang sering timbul termasuk pembuangan bayi,



PROF. Mohamed Asin (tengah) bersama para peserta ODCC serta penghuni Kompleks Penyayang Bakti pada program lawatan One Day Community Care (ODCC) di Sungai Buloh, Selangor, baru-baru ini.

pengabaian tanggungjawab terhadap ibu bapa dan juga juga kes penderaan kanak-kanak,” katanya di sini baru-baru ini.

Katanya, lebih membimbangkan, masyarakat mula menuding jari dan meletakkan kesalahan tersebut kepada orang lain sedangkan ia merupakan tanggungjawab bersama.

“Maka, penglibatan dan pengala-

man yang diperolehi mahasiswa USIM dalam program ini sedikit sebanyak diharapkan dapat memupuk serta menambah nilai murni penuntut untuk berkhidmat kepada masyarakat apabila mereka tamat pengajian kelak.

“Di bawah program yang terbahagi kepada tiga pendekatan ini iaitu ‘One Personal Touch’, ‘One Pocket Motivation’ dan ‘One Arts Therapy’

ia secara tidak langsung akan membuka serta meningkatkan kesedaran di kalangan peserta,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah berkata, pendedahan sedemikian amat bermanfaat kepada mahasiswa USIM supaya mereka dapat menyelami kehi-

dupan sebenar penghuni, di samping berpeluang memberi khidmat kepada masyarakat terutamanya kepada komuniti yang kurang upaya dan istimewa.

Pada program tersebut peserta berpeluang berinteraksi dengan penghuni kompleks berkenaan yang terdiri daripada anak yatim, warga emas serta ibu tunggal.